


NAMA: _____ KELAS: _____

SAINS TAHUN 3

UNIT 7: KETUMPATAN

Murid-murid diminta untuk menonton video ini sebelum menjalankan penyiasatan dan menjawab soalan di bawah.



MENGAJI KAEDAH MENJADIKAN AIR LEBIH TUMPAT

AKTIVITI

(Arahan: Semua murid dikehendaki menjalankan aktiviti ini di kawasan rumah masing-masing dan melengkapkan Jadual A di bawah.)

TUJUAN: Menyiasat kaedah untuk menjadikan air lebih tumpat

ALAT DAN BAHAN: Gelas, 200ml air, telur, gula, sudu

LANGKAH-LANGKAH:

1. Masukkan 200 ml air ke dalam gelas pertama dan gelas kedua.



gelas berisi air

2. Masukkan telur ke dalam gelas pertama.



3. Larutkan gula ke dalam gelas kedua dan masukkan telur ke dalam air gula tersebut.



4. Catatkan pemerhatian kamu di dalam jadual di bawah.

Gelas	Pemerhatian
1 (Air Biasa)	
2 (Air Larutan Gula)	

Jadual A

A. Selepas melakukan aktiviti, sila jawab soalan di bawah ini.

a) Apakah bahan lain yang boleh menggantikan gula?

b) Mengapakah telur boleh timbul setelah gula ditambahkan ke dalam air?

c) Apakah kesimpulan yang boleh dibuat bagi eksperimen ini?

B. Padankan maklumat berikut dengan betul.

Pemerhatian
Telur terapung di atas air gula.
Telur tenggelam di dalam air biasa.

Inferens
Telur lebih tumpat daripada air biasa.
Air gula lebih tumpat daripada telur.

MENGAJI KETUMPATAN CECAIR

AKTIVITI

(Arahan: Semua murid dikehendaki menjalankan aktiviti ini di kawasan rumah masing-masing dan melengkapkan Jadual B di bawah.)

TUJUAN: Menyiasat perbezaan ketumpatan cecair

ALAT DAN BAHAN: Gelas, 200ml air, pewarna makanan, madu, minyak masak

LANGKAH-LANGKAH:

1. Masukkan air ke dalam gelas.



2. Masukkan pewarna makanan ke dalam gelas berisi air.



3. Masukkan madu ke dalam gelas dan perhatikan perubahannya.
4. Masukkan minyak masak ke dalam gelas dan perhatikan perubahannya.
5. Catatkan pemerhatian kamu itu dalam jadual di bawah.

Bahan	Pemerhatian
Air berwarna	
Madu	
Minyak masak	

Jadual B

- C. Selepas melakukan aktiviti, sila jawab soalan di bawah ini.

a) Susun bahan tersebut mengikut bahan yang lebih tumpat kepada bahan yang kurang tumpat.

b) Apakah kesimpulan eksperimen ini?

APLIKASI KETUMPATAN DALAM KEHIDUPAN

- D. Jawab semua soalan di bawah.

a) Bagaimanakah jaket keselamatan perenang boleh menyelamatkan nyawa?

c) Apakah contoh lain aplikasi ketumpatan dalam kehidupan harian kita?